

Index
No.

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS1EN/1

SECONDARY 1 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 5

BAHASA MELAYU
(KERTAS 1)

MALAY
(PAPER 1)

Additional Materials: Writing Paper

Total Time: 2 h

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Do not turn over this page until you are told to do so.
2. Follow all instructions carefully.
3. Write your answer in the Answer Book provided.
4. An approved dictionary may be used.




This question paper consists of 3 printed pages.

Jawab dua soalan, satu daripada **Bahagian A** dan satu daripada **Bahagian B**.

BAHAGIAN A (20 markah)

Arahan: Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada 100 patah perkataan berdasarkan **satu** daripada soalan-soalan berikut.

1. Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.



The screenshot shows an email client interface. At the top, there is a toolbar with icons for menu, folders, trash, mail, star, lock, reply, forward, and print. Below the toolbar, the email header is displayed in a light blue box. It includes a circular profile icon on the left, followed by the 'Kepada:' field containing 'Ameerah-Isa@gmail.com', the 'Daripada:' field containing 'Ainon-Salleh@pintar.com', and the 'Subjek:' field containing 'Cuti Sekolah'. Below the header, the date 'Tarikh: 15 Oktober 2019' is shown. The body of the email contains the following text:

Ameerah,

Apa khabar kamu sekarang? Saya berharap kamu berada dalam keadaan sihat sejahtera. Cuti sekolah akan bermula tidak lama lagi. Apakah rancangan kamu pada cuti sekolah ini kelak? Saya dan rakan saya akan berkhemah di Pulau Subar Laut. Semasa di sana, kami juga bercadang untuk melakukan aktiviti lasak.

Saya harap kamu tidak keberatan berkongsi rancangan percutian kamu pada masa cuti akan datang. Kalau boleh saya juga ingin meminta pendapat kamu tentang kegiatan-kegiatan yang boleh saya dan rakan-rakan saya lakukan di Pulau Subar Laut.

Saya menanti kiriman balas dari awak. Sehingga berjumpa pada kesempatan yang lain.

Yang benar
Ainon

2. Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Baru-baru ini kamu telah ke sebuah restoran McDonner yang terletak berhampiran dengan sekolah kamu. Ketika berada di sana, kamu perhatikan bahawa ada sekumpulan pelajar dari sekolah kamu berkelakuan tidak senonoh dan mengganggu ketenteraman para pelanggan yang lain. Kamu berasa agak malu dan terganggu melihat kelakuan mereka yang boleh mencemarkan nama baik sekolah kamu.

Tulis e-mel kepada guru disiplin kamu untuk mengadu tentang perkara itu. Terangkan kepada guru disiplin kamu tentang kelakuan mereka. Dalam e-mel kamu, berikan beberapa saranan untuk mengatasi masalah tersebut.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: Halimah@e-mail.com

Alamat penerima: Zubaidah_Kareem@moe.edu.sg

BAHAGIAN B (40 markah)

Arahan: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 200 patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini.

3. Kamu sedang beriadah bersama keluarga di taman apabila kamu terlihat warga tua pengsan di hadapan kamu. Gambarkan peristiwa tersebut dan perasaan kamu ketika itu. Nyatakan juga apa yang telah kamu lakukan untuk warga tua tersebut.
4. Tuliskan sebuah cerita mengenai satu lawatan luar darjah yang berakhir dengan satu kejadian yang tidak disangka.
5. Tulis sebuah karangan **berakhir** dengan:

“Mujur semuanya telah berakhir. Ternyata aku silap; air yang tenang jangan disangka tiada buaya.”

SELESAI